

06 NOV 1999

Indonesia-Petronas

INDONESIA MINTA BANTUAN DARIPADA PETRONAS UNTUK BELI BERAS

Oleh: Siti Hawa Othman dan Abdul Rahman Ahmad

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Indonesia, yang telah menerima kemudahan kredit sebanyak AS\$100 juta daripada Petronas untuk membeli beras, telah meminta bantuan tambahan sebanyak AS\$200 juta daripada perbadanan minyak negara itu bagi tujuan yang sama.

Permintaan itu dibuat oleh Presiden baru Indonesia, Presiden Abdurrahman Wahid semasa perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Presiden Indonesia itu yang lebih dikenali sebagai Gus Dur, berada di ibu negara untuk lawatan selama dua hari sebagai sebahagian daripada kunjungan suai kenal rantau ini, yang bermula dengan lawatan ke Singapura.

Semasa memberi taklimat kepada pemberita mengenai hasil perjumpaan yang mengambil masa lebih sejam di sini, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Abdurrahman menyatakan penghargaan kepada Dr Mahathir kerana bantuan yang diberikan oleh Petronas.

"Indonesia berharap bahawa Petronas, melalui cawangan antarabangsanya, akan menghulurkan AS\$200 juta lagi kepada republik itu jika boleh," kata Syed Hamid.

Syed Hamid berkata bahawa Indonesia, negara keempat paling ramai penduduk di dunia yang pernah menjadi pengeksport komoditi itu, kini tidak mampu membeli beras yang mencukupi disebabkan oleh kekurangan rizab tukaran wang asing akibat maalaha kewangan negara itu.

Kerajaan akan menggalakkan Petronas jika boleh untuk menambah kemudahan kredit kepada Indonesia, "tetapi terserahlah kepada Petronas untuk mengambil keputusan," kata Syed Hamid.

Beliau juga berkata bahawa Gus Dur telah menyarankan kepada Dr Mahathir agar Malaysia menghantar rombongan pelaburan ke Indonesia dalam usaha meningkatkan lagi perdagangan dua hala dan rangkaian pelaburan.

Menteri luar berkata Perdana Menteri telah bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Abdurrahman itu.

"Patut ada perhubungan yang rapat di antara Malaysia dan Indonesia dan kita harus menyumbang untuk membantu Indonesia di dalam pembangunan ekonominya," kata Syed Hamid.

Beliau juga berkata Abdurrahman telah membayangkan bahawa Jakarta lebih suka penggunaan yang meningkat aturan pembayaran dua hala (BPA) di antara kedua-dua negara sebagai alat untuk mempertingkatkan perhubungan dua hala.

"Indonesia berminat meningkatkan aktiviti dagangan dengan Malaysia melalui BPA," katanya.

Memberikan latar belakang, Syed Hamid berkata bahawa cawangan dagangan antarabangsa Petronas biasanya melaksanakan perdagangan sama ada melalui pertukaran keluaran atau melalui BPA.

Syed Hamid berkata bahawa kedua-dua pemimpin juga membincangkan cadangan Tabung Kewangan Asia Timur yang dicadangkan oleh Dr Mahathir baru-baru ini di Singapura bagi membolehkan ekonomi-ekonomi Asia Timur melindungi diri mereka sendiri semasa krisis kewangan.

-- BERNAMA

SHO ARA OS